0721

B 8993 BAH

MOHAMED - KRISIS

KOTA BAHARU, 22 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERSETUJU SUPAYA SOAL PERTUKARAN 20 PEGAWAI TADBIR NEGERI (PTN) KELANTAN YANG DIPERTIKAIKAN SEKARANG DIBAWA KE MAHKAMAH.

MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB BERKATA PENYELESAIAN DI MAHKAMAH MERUPAKAN CARA YANG TERBAIK DEMI KEHORMATAN DAN KELUHURAN UNDANG-UNDANG NEGARA.

TAN SRI MOHAMED MENGETUAI ROMBONGAN KERAJAAN NEGERI SERAMAI LAPAN ORANG YANG TERDIRI DARIPADA PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DAN JUGA ANGGOTA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENEMUI PERDANA MENTERI DI IBUNEGARA MALAM TADI DAN AWAL HARI INI.

DALAM PERTEMUAN ITU, MENTERI BESAR DAN ROMBONGAN BERBINCANG DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI LANGKAH-LANGKAH YANG PATUT DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN PERKARA ITU.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS KESYUKURAN ANJURAN BERSAMA UMNO BAHAGIAN KOTA BAHARU DAN PENGKALAN CHEPA DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) DEKAT SINI, LEWAT PETANG INI, BELIAU BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN BERBINCANG LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA ITU DENGAN PEGUAM NEGARA, TAN SRI ABU TALIB OTHMAN APABILA BELIAU PULANG BERCUTI DI LUAR NEGERI. -- LAGI

2058MST 22 12 88

B 8994 BAH

MOHAMED - KRISIS 2 KOTA BAHARU

ISU PERTUKARAN ITU BERLARUTAN APABILA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (SPN) MEMBATALKAN ARAHAN DAN SENARAI PERTUKARAN YANG DIPERSETUJUI OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO) PADA 11 DIS LEPAS DAN SEBALIKNYA MENGELUARKAN ARAHAN BARU BERDASARKAN ARAHAN PERTUKARAN YANG KELUARKAN OLEH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN (SUK) NEGERI PADA 4 DIS.

EKORAN ITU, KERAJAAN NEGERI MEMBERI AMARAN TINDAKAN DISIPLIN AKAN DIAMBIL TERHADAP PARA PEGAWAI YANG MENGENGKARI ARAHAN EXCO TETAPI SEBALIKNYA MEMATUHI ARAHAN SPN.

TAN SRI MOHAMED BERKATA LAPORAN MENGENAI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TIDAK MEMATUHI ARAHAN EXCO TELAHPUN DIHANTAR KEPADA SUK SEMALAM MENGIKUT PROSEDUR YANG DITETAPKAN DALAM PERINTAH AM.

SEMENTARA ITU, KETIKA DITANYA USAHA LAIN UNTUK MENYELESAIKAN PERKARA ITU, TAN SRI MOHAMED MENGESAHKAN LAPORAN AKHBAR BAHAWA MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM TELAH MENGADAP SULTAN KELANTAN DUA HARI LEPAS DALAM USAHA UNTUK MENCARI JALAN PENYELESAIAN.

KATANYA, REAKSI YANG DITERIMA MENUNJUKKAN ADA PERKEMBANGAN POSITIF BAHAWA PERKARA ITU AKAN DAPAT DISELESAIKAN APABILA TIBA MASANYA. -- LAGI

2101MST 22 12 88

B 8996 BAH
MOHAMED - KRISIS 3 KOTA BAHARU

MENTERI BESAR BERKATA USAHA YANG DIPELOPORI OLEH MENTERI PENDIDIKAN ITU MENDAPAT RESTU PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, TETAPI MENEGASKAN IA BUKAN ATAS ARAHAN PIHAK ATASAN.

APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA APAKAH USAHA ITU BERHASIL, MENTERI BESAR MENJAWAB: +KITA BERDOA DAN YAKIN IA MEMBUAHKAN HASIL+.

MENGENAI CERAMAH YANG DIANJURKAN OLEH UMNO EKORAN ISU ITU, TAN SRI MOHAMED BERKATA IA UNTUK MEMBERI PENJELASAN KEPADA RAKYAT AGAR MEREKA TIDAK DIKELIRUKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU YANG CUBA MENGAITKAN MEREKA DENGAN PIHAK ISTANA.

KATANYA, IA TIDAK BOLEH DISALAHTAKRIFKAN SEBAGAI USAHA MENENTANG ISTANA TETAPI SEMATA-MATA SUPAYA INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN TERUS DIHORMATI OLEH RAKYAT DAN MENGELAKKAN IA DISALAHGUNAKAN OLEH PIHAK LAIN.

MENTERI PERTAHANAN, TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN DAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN PERINGAT, HAJI AMNUAR MUSA TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU YANG DIHADIRI OLEH HAMPIR 1,000 ORANG. -- BERNAMA
2108MST 22 12 88